UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

**PRA-MESYUARAT PELARASAN JAWATANKUASA AD-HOC KAWAD KEBAKARAN ZON C4**
**FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 30 Mei 2023 (Selasa) |
| Masa | : | 10:30 pg – 12:00 tgh |
| Tempat | : | Bilik Seminat Siantan, FKTM A |

Agenda:

1. Kata aluan Komander Insiden zon C4
2. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan zon C4
3. Latihan Pengungsian Bangunan (*Fire Drill*)
4. Lain-lain
5. Penutup oleh Komander Insiden zon C4

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 1 | ***Kata aluan Komander Insiden zon C4***<br>• Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kedatangan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (JPERT) zon C4 yang hadir terutamanya wakil-wakil dari Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Eletrik (FKTEN) dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) atas faktor bertugas di sekitar zon C4, kampus Pauh Putra, UniMAP.<br>• Perancangan untuk mengadakan latihan pengungsian bangunan (fire drill) dalam tahun 2023 dan diawalkan sekitar bulan Jun atas faktor lawatan akreditasi program Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemprosesan Bahan) yang dijangkakan pada 11 – 12 Julai 2023.<br>• Sebelum latihan pengungsian bangunan boleh dilakukan, Mesyuarat Pelarasan dan Mesyuarat TTX perlu diadakan. | -<br>-<br>- |
| 2 | ***Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan zon C4***<br>• Penyusunan semula JPERT di zon C4 selepas penstrukturan semula dengan mengambilkira semua PTj yang berada di zon C4.<br>• PTj yang mempunyai lebih dari 40 orang setiap jabatan digalakkan untuk menubuhkan ERT di peringkat PTj yang mana merupakan pasukan terlatih dengan kemahiran dan pengetahuan menghadapi situasi kecemasan seperti kebakaran, gegaran, rusuhan dan seumpamanya.<br>• Surat pelantikan dikeluarkan kepada setiap staf yang menyatakan tempoh pelantikan berkuatkuasa dan ditandatangani oleh ketua PTj.<br>• JPERT mempunyai kemahiran dalam menggunakan peralatan pencegahan dan kelengkapan keselamatan kebakaran serta berkeupayaan bertindak segera untuk memberikan bantuan menyelamat dan mengungsi bangunan. | -<br>-<br>-<br>- |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | • JPERT memastikan tatacara dan tindakan yang perlu diambil bagi menghadapi sebarang insiden kejadian kecemasan semasa berada di dalam kawasan/ premis Zon C4.<br>• Carta JPERT telah disediakan oleh setiausaha / pengurus Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan, Persekitaran, dan Kesihatan Pekerjaan (JPKPKP), FKTM. JPKPKP merupakan organisasi yang sama fungsi dengan mana-mana JKKP di PTj lain yang menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Carta JPERT ini telah diedarkan kepada pengurus FKTEN dan pengurus PKU sebelum ini. | -<br>- |
| 3 | ***Latihan Pengungsian Bangunan (Fire Drill)***<br><br>• Mesyuarat Pelarasan merupakan aktiviti yang pertama sebelum perlaksaan latihan pengungsian bangunan.<br>• Mesyuarat pelarasan telah dijadualkan pada 2 Jun 2023 bermula jam 3:00 petang. Ia membabitkan penglibatan jawatankuasa pengurusan pasukan tindak balas kecemasan (JPERT), pengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan PTj yang terlibat, Jabatan Pembangunan (JP), Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Jabatan Keselamatan (Jkes) dan pengusaha-pengusaha di permis perniagaan di sekitar zon C4.<br>• Selepas mesyuarat pelarasan, ia akan diikuti oleh Mesyuarat Table-top Excercise (TTX) yang dijadualkan pada 7 Jun 2023 (bergantung kepada ketersediaan pihak COSHE).<br>• Semasa mesyuarat TTX, satu kes seumpama insiden kecemasan dalam zon C4 akan diberikan kepada para ahli JPERT untuk membincangkan tindakan-tindakan yang diambil semasa kejadian tersebut.<br>• Pihak COSHE akan memilih ahli-ahli JPERT secara rawak untuk mengetahui tindakan yang diambil semasa kes kejadian berlaku.<br>• Dicadangkan bahawa para ahli JPERT dapat simulasi keadaan kejadian kecemasan sebelum TTX untuk melihat keberkesanan ahli-ahli JPERT menandatangai dan menghadapi sesuatu kejadian kecemasan.<br>• Para ahli ERT perlu menyimpan nombor telefon kecemasan yang berkaitan dan nombor komander insiden agar dapat memberikan tindakan serta-merta semasa kejadian kecemasan.<br>• Selepas mesyuarat TTX, latihan pengungsian bangunan akan dlaksanakan. Dicadangkan untuk mengadakan latihan pengungsian bangunan (fire drill) dalam bulan Jun 2023 (bergantung kepada ketersediaan pihak Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia).<br>• Disebabkan terdapat latihan pengungsian bangunan oleh FKTEN dan FKTE di kampus Alam dan FKTK di Dragon, latihan pengungsian bangunan di zon C4 dijangkakan seawal 14 Jun 2023.<br>• Latihan pengungsian bangunan (fire drill) bukan sahaja melibatkan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia, tetapi juga pemerhati dari pihak Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia, pemerhati dari COSHE, pemerhati dari JP, pemerhati dari PKU dan pemerhati dari Jkes.<br>• Pemerhati dari Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia mungkin menanya soalan kepada warga UniMAP di zon C4 secara rawak untuk mengetahui kesedaran warga UniMAP terhadap kesedaran menghadapi insiden kecemasan. Soalan yang ditanya mungkin siapakah komander insiden, nombor telefon komander insiden, dan sebagainya.<br>• Pembentangan hasil dapatan oleh pihak Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia sebaik selepas Latihan Pengungsian Bangunan.<br>• Dijangkakan seramai 10 orang wakil dari Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia, 10 orang wakil dalaman dari COSHE, JP, PKU, dan Jkes.<br>• Latihan pengungsian bangunan (fire drill) perlu membabitkan semua warga yang terdapat di zon C4 termasuk pengusaha-pengusaha yang terdapat di permis perniagaan di zon C4. Jemputan wakil daripada pengusaha diperlukan untuk memberi pandangan dan cadangan semasa pelaksaan latihan pengungsian | -<br>-<br>-<br>-<br>-<br>-<br>-<br>-<br>-<br>-<br>-<br>-<br>-<br>- |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | bangunan dan membuat persiapan untuk menghadapi sebarang insiden kecemasan pada masa hadapan. | |
| | • Selepas penerimaan laporan latihan pengungsian bangunan dari pelbagai pihak yang terlibat, Mesyuarat Post Mortem akan diadakan di kalangan JPERT untuk meneliti semua cadangan dan komen yang diberikan dalam laporan. | - |
| | • Dicadangkan untuk mengadakan Mesyuarat Post Mortem selewat-lewatnya pada awal bulan Julai 2023 atau sebelum 11 Julai 2023. Akan tetapi, sekiranya terdapat kekangan faktor masa, maka mesyuarat post mortem akan ditundahkan selepas lawatan akreditasi. | - |
| | • Komander insiden zon C4 memohon kepada semua ahli JPERT untuk memastikan dokumen berikut siap tersedia untuk setiap bengkel/makmal sebelum latihan pengungsian bangunan :-<br>i. Carta JPERT di zon C4<br>ii. Pelan laluan kecemasan di zon C4<br>iii. Talian kecemasan<br>iv. Prosedur tindakan kecemasan & pengungsian bangunan<br>v. Rekod pendaftaran bahan kimia (sekiranya terlibat)<br>vi. Rekod Material Safety Data Sheet (MSDS) (sekiranya terlibat)<br>vii. Rekod Inventori Buangan Terjadual Bulanan (sekiranya terlibat)<br>viii. Borang penyerahan buangan Terjadual (sekiranya terlibat) | JPERT |
| | • Carta JPERT, pelan laluan kecemasan, talian kecemasan dan prosedur tindakan kecemasan & pengungsian bangunan akan dikongsikan antara ahli JPERT oleh Komander insiden zon C4. | Komander insiden zon C4 |
| | • Komander insiden zon C4 menyeru semua ahli JPERT untuk memastikan semua peralatan pencegahan kebakaran berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa dan semua laluan kecemasan bebas dari sebarang halangan. Contoh lokasi alat pemadam api, hydrant dan lain-lain. | Komander insiden zon C4 |
| 3 | ***Lain-lain*** | |
| | • Wakil JPERT FKTM C menyatakan bahawa semasa latihan pengungsian bangunan di UniCITI, tiada sebarang laporan yang diterima di peringkat JKKP mahupun JPERT. Semasa sesi akreditasi yang lepas, satu-satu laporan yang dapat dirujuk hanya laporan yang disediakan oleh Komander Insiden di zon B1. Kesahihan laporan latihan pengungsian bangunan diperagui oleh panel akreditasi. | - |
| | • Dicadangkan untuk berbincang dengan COSHE atas kesediaan laporan daripada pihak yang terlibat selepas latihan pengungsian bangunan pada mesyuarat pelarasan yang dijadualkan pada 2 Jun 2023. | Komander insiden zon C4 |
| | • Dr. Ahmad Zulhafizi bertanya akan samada pesakit atas katil perlu dialihkan untuk berkumpul di tempat berkumpul. Atas faktor kesesuaian pemindahan pesakit semasa latihan pengungsian bangunan, maka dicadangkan untuk berbincang semasa mesyurat pelarasan pada 2 Jun 2023. | Komander insiden zon C4 |
| | • Turut dicadangkan oleh Dr. Ahmad Zulhafizi untuk mewujudkan zon merah, zon kuning dan zon hijau untuk tempat insiden. Zon merah hanya terbuka untuk pihak Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia dan pihak berkuasa tertentu sahaja. Zon kuning terbuka untuk pasukan perubatan dan mangsa insiden yang memerlukan rawatan perubatan segera. Manakala zon hijau untuk warga lain daripada zon-zon merah dan kuning. Cadangan ini bakal dibincangkan secara lebih lanjut pada masa hadapan di JPERT. | Komander insiden zon C4 |
| | • Dicadangkan untuk memecah kepada kumpulan yang lebih kecil antara JPERT seperti pasukan bantu mula, pasukan pemadan & penyelamat, pasukan kawal trafik serta ketua blok/ketua aras. Pemecahan pasukan kecil ini bertujuan untuk membuat perancangan strategik yang bersesuaian antara pasukan semasa sebarang insiden kecemasan yang bakal berlaku. | Komander insiden zon C4 |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| 4 | ***Penutup oleh Komander Insiden zon C4***<br><br>• Ucapan terima kasih atas kerjasama, cadangan dan pandangan yang diberikan oleh pihak COSHE atas persediaan latihan pengungsian bangunan.<br>• Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari. | -<br><br>- |

Disediakan oleh:

(En. Masri Zairi Mohd Zin)

Komander insiden zon C4

Disahkan oleh:

(Ts. Dr. Tan Wee Choon)

Pengurus JPKPKP FKTM

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

UniMAP

**PRA-MESYUARAT PELARASAN**

**JAWATANKUASA PASUKAN TINDAK BALAS KECEMASAN ZON C4**

**FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)**

**Tarikh** : 30 Mei 2023 (Selasa)

**Masa** : 10:30 pg – 1:00 ptg

**Tempat** : Bilik Seminar Siantan, FKTM A

| BIL | NAMA | JAWATAN | TANDATANGAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Ts. Dr. Tan Wee Choon | Setiausaha / Pengurus JPKPKP FKTM | |
| 2 | En. Masri Zairi Mohd Zin | Komander Insiden C4 | |
| 3 | Tc. Narzrezal Abdul Razak | Penolong Pegawai Insiden C4 | |
| 4 | En. Mazlan Mohd Husin | Ketua Pasukan Bantu Mula (FKTM) | |
| 5 | Pn. Suraya Harun | Ketua Pasukan Bantu Mula (FKTEN) | |
| 6 | Dr. Ahmad Zulhafizi Azmi | Ketua Pasukan Bantu Mula (PKU) | |
| 7 | En. Mohd Nazri Abdul Hamid | Ahli Pasukan Bantu Mula (FKTM) | |
| 8 | En. Mohamad Jasmin Shaari | Ahli Pasukan Bantu Mula (FKTM) | |
| 9 | En. Mohd Shukri Nordin | Ahli Pasukan Bantu Mula (FKTM) | |
| 10 | En. Rashid Ramli | Ketua Pasukan Pemadam & Penyelamat (FKTM) | |
| 11 | En. Mohd Ridzuan Mohd Nor | Ketua Pasukan Pemadam & Penyelamat (FKTEN) | |
| 12 | En. Mohammad Nasrul Naim Mat Hashim | Ketua Pasukan Pemadam & Penyelamat (PKU) | |
| 13 | En. Mohd Nazmi Mohammad Radzi | Ahli Pasukan Pemadam & Penyelamat (FKTM) | |
| 14 | En. Muhamad Fairuz Abdul Karim | Ahli Pasukan Pemadam & Penyelamat (FKTM) | |
| 15 | En. Suhelmi Wi @ Senawi | Ahli Pasukan Pemadam & Penyelamat (FKTM) | |
| 16 | En. Roszi Anuar Hamid | Ketua Pasukan Kawalan Trafik (FKTM) | |
| 17 | Ts. Shariffah Zarihan Syed Zaharim Helmi | Ketua Pasukan Kawalan Trafik (FKTEN) | |
| 16 | Pn. Misni Rosli | Ketua Blok (FKTM) | |
| 17 | En. Mohd Nazy Mat Nayan | Ketua Aras (FKTM) | |
| 18 | Prof Madya Dr. Mohammad Shahrazel Razalli | Ketua Blok (FKTEN) | |
| 19 | Pn. Nurzaitun Musa | Ketua Blok (PKU) | |
| 20 | MUHAMAD QAUYUM ZAWAWI AHAMAD SUFFIN | Wakil JPERT FKTM C | |
| 21 | ROSISWARDI RUSLI | Wakil JPERT FKTM C | |
| | | | |